

03 AUG 1996

SEMUA AKTIVITI SAMBUTAN UMNO DITANGGUH

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO hari ini memutuskan agar semua acara parti sempena sambutan 50 tahun UMNO ditangguhkan sehingga selesai pemilihan bagi mengelak kegiatan berkempen untuk pemilihan Oktober ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO berkata semua konvensyen UMNO negeri, pelancaran Rukun Pemuda, pelancaran buku pergerakan Wanita dan anugerah tokoh veteran UMNO ditangguhkan sehingga selepas perhimpunan agung.

Bilik operasi yang ditubuhkan oleh calon-calon juga hendaklah ditutup serta merta, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan MT di sini hari ini.

Tindakan itu diambil untuk melarang sama sekali kegiatan berkempen oleh calon untuk memancing undi.

Para perwakilan juga diberi amaran dipecat jika ada bukti mereka mengugut mana-mana calon atau membantu calon-calon tertentu pada pemilihan akan datang.

-- BERNAMA

SJA MAI